

01 OCT 2003

CMR-WAWASAN

CMR BERSEDIA UNTUK GALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI MAPAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Meja Bulat Korporat Malaysia (CMR), organisasi keahlian bagi ketua pegawai eksekutif (CEO) dan pemimpin korporat di Malaysia, bersedia untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kemakmuran dan pembangunan mapan negara, kata pengerusi bersamanya Mirzan Mahathir.

Dengan wawasan untuk menjadi "Suara Korporat Malaysia", CMR akan menyediakan jambatan antara para pemimpin dalam kerajaan dan perniagaan.

CMR mengadakan mesyuarat lembaga pengarah dan penasihat sulung di sini hari ini.

Mirzan berkata mereka telah mengadakan perbincangan yang berhasil dan secara amnya terdapat keperluan untuk memastikan syarikat-syarikat di Malaysia untuk terus makmur dalam persekitaran yang amat kompetitif.

"Kami melihat kepada perspektif jangka panjang bagi memastikan syarikat-syarikat Malaysia maju bersama-sama pendekatan Wawasan 2020," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat berkenaan di sini hari ini.

Semasa ditanya mengenai isu yang memerlukan perhatian yang dihadapi syarikat-syarikat Malaysia, Mirzan berkata: "Saya rasa terdapat banyak isu yang dihadapi oleh dunia korporat hari ini.

"Apa yang kami mahu lakukan selepas perbincangan ialah kami melihat kepada apa sebenarnya yang kami mahu beri tumpuan dan bersedia untuk memainkan peranan kami," kata beliau.

Mirzan, yang merupakan pengerusi Konsortium Logistik Bhd, berkata CMR akan melihat kepada apa yang perlu dilakukan untuk maju.

Antara lain, objektif CMR adalah untuk merangsang pemikiran strategik mengenai cabaran yang dihadapi korporat Malaysia, bagi menyediakan maklum balas tetap daripada sektor korporat kepada kerajaan serta mengukuhkan perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta menurut dasar-dasar Malaysia diperbadankan.

Sebagai organisasi keahlian bagi pemimpin korporat Malaysia, CMR bertujuan mempromosikan kepimpinan korporat beretika dan kewarganegaraan korporat yang baik kepada pertumbuhan dan kemakmuran berterusan Malaysia.

Mirzan berkata bagi memastikan kejayaannya, mereka perlu melihat kepada pengguna pakaian langkah yang betul.

Sementara itu, pengerusi bersama yang lain Tan Sri Ir Md Radzi Mansor, yang juga pengerusi Telekom Malaysia Bhd, berkata CMR mempunyai tiga pengerusi bersama dan tujuh ahli lembaga. Pengerusi bersama ketiga ialah Tan Sri Azman Hashim, pengerusi AmBank Group.

Radzi berkata meja bulat berkenaan akan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang memberi faedah kepada ahli.

Antara program yang dicadangkan termasuk dialog tahunan dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, forum makan tengahari, penyelidikan terhadap isu-isu kritikal memberi kesan bagi perniagaan dan memformulasikan pembentangan dan memorandum kepada kerajaan mengenai masalah perniagaan dan cabaran industri.

Keahlian ialah mengikut jemputan dan terbuka kepada semua ketua korporat (CEO/pengurus kanan tempatan dan asing) yang berkhidmat di Malaysia. -- BERNAMA

TNS KTC NHD